

Timor-Leste berminat jadi anggota penuh ASEAN
Astro Awani
Jun 7, 2016

KUALA LUMPUR: Timor-Leste berminat untuk menjadi anggota penuh blok ASEAN, yang mana selepas penilaian ekonomi negara itu selesai, akan menyaksikan kemasukannya sebagai anggota ke-11 perkumpulan tersebut.

Perdana Menteri Timor-Leste Rui Maria de Araújo berkata negara itu telah melalui penilaian dalam tempoh lima tahun lepas dengan sekretariat sekarang menyediakan laporan akhir.

"Kami menjangkakan mesyuarat ASEAN akan datang di Laos akan membincangkan keputusan penilaian yang mana selepas itu kami akan mengetahui bila Timor-Leste akan diterima secara rasmi memasuki perkumpulan tersebut," katanya kepada *Bernama* di luar acara Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai ASEAN 2016 yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Timor-Leste secara rasminya memohon menjadi anggota ASEAN pada 2011 selepas memegang status pemerhati selama beberapa tahun dengan, beberapa negara anggota, termasuk Malaysia, telah melahirkan sokongan kepada negara itu untuk menyertai perkumpulan tersebut.

Dari segi persediaan, de Araújo berkata Timor-Leste telah bekerja keras untuk untuk memenuhi semua syarat-syarat asas yang diperlukan untuk menjadi anggota rasmi, termasuk penyertaan aktif dalam mesyuarat dan interaksi dengan semua 10 negara anggota.

"Kami juga membuka kedutaan dan menempatkan para duta di semua negara anggota, satu lagi syarat untuk diterima secara rasmi sebagai anggota.

"Langkah-langkah ini telah diambil dan kami tidak sabar-sabar untuk mendengar keputusan akhir pemimpin-pemimpin ASEAN," katanya.

Dilaporkan bahawa Timor-Leste telah mengambil langkah-langkah dan proses yang perlu untuk mematuhi syarat-syarat ASEAN. Ini termasuk membangunkan prasarana untuk menganjurkan sidang kemuncak dan mesyuarat ASEAN dan mewujudkan hubungan diplomatik di semua ibu kota ASEAN.

de Araújo, yang memegang jawatan itu pada 2015, menyifatkan Timor-Leste sebagai

negara yang masih baharu dengan 60 peratus penduduknya berusia di bawah 25 tahun.

"Jadi ia adalah peluang yang baik bagi Timor-Leste, sebagai sebuah negara baharu, dapat menyertai kali pertama di Forum Ekonomi Dunia mengenai ASEAN 2016," katanya sambil menambah masih banyak lagi yang perlu dipelajari negara itu untuk mendapat pengalaman.

Beliau berkata WEF dua hari itu memberi prospek positif bagi Timor-Leste, apabila beliau mengadakan perbincangan dengan pemimpin Malaysia, Indonesia dan Kemboja mengenai isu-isu berkaitan dengan kewangan dan bagaimana menggerakkan sumber termasuk sumber kewangan, untuk menyokong pembangunan mampan.

Mengenai perdagangan dua hala dengan Malaysia, beliau berkata ia berkembang setiap tahun, walaupun pada skala kecil berbanding kuantiti perdagangan tingginya dengan Indonesia, negara jiran terdekatnya.

Pada 2013, perdagangan dua hala antara Malaysia dan Timor Leste berjumlah AS\$21.2 juta (RM69.4 juta).

de Araújo berkata Malaysia dan Timor-Leste dijangka meningkatkan hubungan dua hala dengan mengembangkan kerjasama sekarang dan meninjau peluang dalam pertanian serta sektor minyak dan gas.

Potensi untuk meningkatkan interaksi perniagaan antara kedua-dua negara adalah sangat tinggi dengan perbincangan pada peringkat kerajaan, katanya.

"Kami mengadakan mesyuarat dengan sektor swasta, dan satu daripada kementerian kami telah berbincang dengan AirAsia mengenai kemungkinan mewujudkan hubungan antara KL dan Timor-Leste," katanya sambil menambah perbincangan itu masih di peringkat sangat awal.

Tag: [Timor-Leste](#), [ASEAN](#), [anggota ASEAN](#), [Rui Maria de Arajo](#), [ekonomi serantau](#), [hubungan dua hala](#), [berita politik](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/timor-leste-berminat-jadi-anggota-penuh-asean-107469>